

02 APR 2002

Bengkel-Bumiputera/I

PM AKAN LANCAR BENGKEL MENGENAI BUMIPUTERA MINORITI

KUCHING, 2 April (Bernama) -- Bengkel sehari, yang pertama seumpamanya dianjurkan, untuk memfokuskan terhadap pengiktirafan rasmi kedudukan baru masyarakat Dayak di Sarawak dan Kadazandusun-Murut di Sabah sebagai Bumiputera minoriti akan diadakan di Kuala Lumpur, Khamis ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan bengkel itu dan menyampaikan ucap-tama pada jamuan malam menjelang bengkel itu di Hotel Renaissance Kuala Lumpur, kata pengerusi penganjur Prof Dr Dimbab Ngidang dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, yang juga presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), juga akan berucap pada bengkel itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok pula akan berucap pada majlis penutup bengkel itu, yang dianjurkan bersama oleh Persatuan Siswazah Dayak Sarawak yang baru ditubuhkan dan Institut Kemajuan Ekonomi Pribumi (INDEP) Sabah.

Katanya kerajaan Persekutuan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) telah mengkategorikan kumpulan pribumi bukan Islam di Sarawak dan Sabah sebagai Bumiputera minoriti, menjadikan mereka diklasifikasikan dalam kumpulan yang berbeza daripada orang Melayu dan kumpulan Islam lain di negara ini.

Masyarakat Dayak dan Kadazandusun-Murut, masing-masing membentuk kumpulan pribumi majoriti di Sarawak dan Sabah, kata Dr Dimbab.

Lebih 500 peserta dari kedua-dua masyarakat itu akan menghadiri bengkel itu untuk mendengar pembentangan tiga kertas kerja oleh pakar dalam bidang masing-masing mengenai dasar kerajaan, strategi dan program untuk menyusun semula masyarakat, penyertaan saksama dalam dunia korporat dan harapan serta aspirasi masyarakat berkenaan.

Kira-kira 300 peserta adalah dari Sarawak manakala selebihnya dari Sabah. Mereka terdiri daripada para intelektual, ahli akademik serta pemimpin masyarakat Dayak dan Kadazandusun-Murut.

"Ia merupakan buat pertama kalinya bahawa Kerajaan Persekutuan menyatakan tanpa ragu-ragu bahawa masyarakat berkenaan diiktiraf sebagai Minoriti Bumiputera di Sarawak dan Sabah dalam RRJP3", katanya.

-- BERNAMA

SCC MAD RHM